SCABICIDE LOTION

Crotamiton (10% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Scabicide Lotion
2. Bagaimana Scabicide Lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Scabicide Lotion
4. Cara menggunakan Scabicide Lotion
5. Semasa menggunakan Scabicide Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan Pelupusan Scabicide Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Scabicide Lotion

Scabicide Lotion digunakan untuk merawat jangkitan *scabies* (kudis) dan menghilangkan gatal-gatal kulit. Scabicide Lotion adalah untuk kegunaan luaran sahaja.

Bagaimana Scabicide Lotion berfungsi

Scabicide Lotion mengandungi crotamiton, yang merupakan anti-kudis dan anti-gatal, adalah berkesan untuk merawat jangkitan *scabies* dan melegakan kegatalan kulit.

Sebelum menggunakan Scabicide Lotion

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna ubat ini jika:

- anda alergik atau hipersensitif terhadap crotamiton atau mana-mana bahan terkandung dalam produk ini.
- anda mengalami penyakit kulit atau keradangan kulit.
  Rujuk doktor atau ahli farmasi anda.
- ia tidak dipreskrib oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Sebelum menggunakan Scabicide Lotion

Beritahu doktor anda jika:

- anda mengandung, merancang untuk mengandung atau anda merasakan anda telah mengandung.
- anda sedang menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Scabicide Lotion

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk rawatan *scabies*:

- Dewasa dan kanak-kanak: Sapukan pada kulit di seluruh badan, iaitu mulai dari bawah bahagian dagu dan selanjutnya, dan berikan tumpuan pada bahagian yang berlipat.
- Scabicide Lotion boleh digunakan pada kanak-kanak. Walau bagaimanapun, bagi kanak-kanak di bawah tiga tahun, Scabicide Lotion TIDAK boleh digunakan lebih dari sekali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Sapuan hendaklah diulang sekali setiap hari, disarankan pada waktu petang,
- Dicadangkan agar sapuan kali kedua dibuat selepas 24 jam kemudian.

ARAHAN PENGGUNAAN:

Selepas mandi dengan air suam, kulit mesti dikeringkan dengan teliti sebelum Scabicide Lotion disapukan pada seluruh permukaan badan (kecuali muka dan kulit kepala) sehingga tiada baki Scabicide Lotion kelihatan pada permukaan kulit.

Lebih tumpuan patut diberikan pada bahagian yang terdedah kepada jangkitan (seperti di celah-celah jari, pergelangan tangan, ketiak dan bahagian kemaluan). Kawasan di mana terdapat pembentukan nanah harus ditutup dengan pembalut luka yang diresapi dengan Scabicide Lotion. Sepanjang tempoh rawatan dengan Scabicide Lotion anda disarankan untuk mandi dahulu sebelum sapuan seterusnya. Setelah rawatan tamat, anda digalakkan untuk mandi dengan bersih dan tukar alas katil dan pakaian dalam.

- Berapa lama perlu digunakan

Rawatan *scabies* mengambil masa selama 3-5 hari, bergantung pada respons kepada rawatan. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya gejala berterusan.

- Jika terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat.

Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Sekiranya tertelan dengan tidak sengaja, pergi ke Jabatan Kecemasan atau hospital terdekat. Gejala yang mungkin terjadi adalah seperti rasa loya, muntah dan kerengsaan pada lapisan dalam pipi (dalam mulut), tekak dan perut. Terdapat kes di mana kehilangan kesedaran dan sawan pernah dilaporkan, tetapi adalah jarang berlaku.

Semasa menggunakan Scabicide Lotion

- Perkara yang mesti anda lakukan

- Guna ubat ini mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang

SCABICIDE LOTION

Crotamiton (10% w/v)

merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Scabicide Lotion.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Rujuk doktor anda jika keadaan anda tidak bertambah baik atau jika ia menjadi lebih teruk.
- Pakaian dan tempat tidur mestilah ditukar pada keesokan harinya. Anda perlu mandi dan basuh badan dengan bersih selepas sapuan terakhir.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berhenti menggunakan ubat sehingga rawatan tamat, walaupun anda mula berasa lebih baik selepas beberapa hari menggunakan ubat.
- Jangan sapu ubat ini atas kulit merah yang berair (*weeping skin).*
- Jangan berikan Scabicide Lotion kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan yang sama seperti anda.
- Scabicide Lotion tidak boleh disapu pada lapisan dalam pipi (dalam mulut) atau pada mata atau bahagian sekitar mata kerana boleh menyebabkan keradangan mata. Sekiranya tidak sengaja bersentuhan dengan mata atau dalam mulut, bilas dengan air bersih.
- Scabicide Lotion tidak boleh disapu pada kulit yang mempunyai luka, ekzema, lecur, atau keradangan kulit. Rujuk doktor anda jika anda mempunyai masalah kulit seperti di atas.
- Sekiranya anda sedang menyusu, dan doktor telah preskrib Scabicide Lotion kepada anda, jangan sapu Scabicide Lotion pada kawasan puting.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan rawatan jika tindak balas alergi atau kerengsaan kulit yang teruk berlaku dan segera dapatkan rawatan perubatan daripada doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Scabicide Lotion boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan yang paling biasa dilaporkan semasa dalam rawatan adalah kegatalan. Keradangan kulit dan tindak balas disebabkan oleh hipersensitiviti seperti ruam, ekzema, kemerahan, kerengsaan kulit dan bengkak boleh berlaku, walaupun jarang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Wormnil Tablet

- Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C di tempat kering dan jauhkan dari sumber cahaya secara langsung.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Losyen yang jernih, tidak berwarna dan tidak mempunyai bau.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif
Crotamiton

- Bahan-bahan tidak aktif
Alcohol denatured, PEG-400

- Nombor MAL:
MAL19940584XCZ

Pengilang

Teraputics Sdn. Bhd.
(590500-W)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park, Lorong IKS Simpang Ampat B, 14100 Simpang Ampat, S.P.S., Pulau Pinang, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Zontron Pharmaceuticals Sdn. Bhd. (445695-T)
Lot 10 & 11, PERDA Industrial Park, Lorong IKS Simpang Ampat B, 14100 Simpang Ampat, S.P.S., Pulau Pinang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

10/06/2021

Nombor Siri

NPRA(R4/1)200521/00024